

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 8 JULY 2017     |

# 'Dr. Mahathir terdesak, gunakan Anwar'

um - 8/7/2017 Pg. 2

**KUALA LUMPUR 7 Julai** - Pusingan U terbaharu oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mempertahankan Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan tindakan terdesak beliau bagi menyelamatkan dirinya daripada berdepan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang akan menyiasat semula skandal dagangan mata wang asing pada awal 1990-an.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Dr. Mahathir menyedari Anwar tidak boleh bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang, tetapi hanya mahu menggunakan bekas Menteri Kewangan itu bagi menyelamatkannya sepanjang siasatan dilakukan oleh RCI.

Katanya, ia bukan perkara baharu kerana bekas Perdana Menteri itu juga sedang menggunakan Lim Kit Siang, iaitu seorang lagi individu yang pernah dipenjarakannya kerana mengetahui DAP memiliki kerusi Parlimen yang banyak.

"Apa yang diperjuangkan oleh Dr. Mahathir bukan kerana kepentingan negara, sebaliknya atas sebab kepentingan peribadi. Beliau



**Beliau terlalu obses untuk menyelamatkan legasi keluarganya dan mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai Perdana Menteri."**

**NAJIB TUN RAZAK  
Perdana Menteri**

terlalu obses untuk menyelamatkan legasi keluarganya dan mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan di sini malam ini.

Hujung bulan lalu, Kabinet sebulat suara bersetuju dengan syor Pasukan Petugas Khas (PPK) bahawa terdapat keperluan menubuhkan RCI bagi membolehkan siasatan terhadap kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada sekitar 1980-an dan 1990-an diteruskan, kerana terdapat elemen menyembunyikan fakta sebenar kerugian.

Jelas Najib, pusingan U terbaharu Dr. Mahathir itu tetap dibuat meskipun beliau pernah menggunakan pelbagai cara untuk menghapuskan karier politik Anwar.

"Beliau tidak mempunyai prinsip dan sanggup melakukan apa sahaja termasuk bekerjasama dengan individu yang pernah dipenjarakan beliau, meminta bantuan campur tangan asing, sabotaj ekonomi dan membuat pusingan U untuk memanipulasi rakyat," katanya.

Katanya, Anwar mungkin terpengaruh dengan usaha terbaharu Dr. Mahathir tetapi saya percaya negara tidak akan terperangkap kerana dengan hanya satu kerusi Parlimen yang dimiliki oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), beliau tidak layak menentukan siapa yang akan menjadi Perdana Menteri.

Tambah Najib, Dr. Mahathir pernah mendesak Tun Abdullah Ahmad Badawi meletakkan jawatan dan kini giliran beliau pula begitu juga bakal penggantinya nanti, hanya kerana mahu memastikan usaha menjadikan anaknya sebagai Perdana Menteri berjaya.



**Waktu Solat**

MBSB



SUBUH SYURUK ZUHR ASAR MAGHRIB ISYAK

**KUALA LUMPUR**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.46 7.09 1.21 4.46 7.30 8.45

**PULAU PINANG**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.48 7.10 1.26 4.51 7.38 8.53

**KUANTAN**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.41 7.01 1.14 4.39 7.23 8.37

**JOHOR BAHRU**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.42 7.04 1.13 4.37 7.18 8.33

**KUCHING**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.16 6.35 12.48 4.12 6.53 8.08

"Kita tidak akan membenarkan rancangannya berjaya kerana kepentingan negara perlu diutamakan berbanding kepentingan keluarga Dr. Mahathir. Tiada yang lebih penting berbanding keperluan rakyat," tegasnya.